

BERITA HARIAN

Wanita sedih Dr M hilang kesetiaan

Oleh Khairul Anuar
Abdul Samad

KOTA BHARU: Pergerakan Wanita Umno menganggap tindakan bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad keluar parti seperti orang yang hanya pandai bercakap tetapi tidak tahu menunaikan tanggungjawabnya.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Dr Mahathir sentiasa berpesan kepada semua ahli Umno supaya menunjukkan kesetiaan serta mempunyai sikap sayang kepada parti.

Katanya, selama 22 tahun, Dr Mahathir memegang kuasa sebagai Presiden parti dan setiap kali Mesyuarat Agung Umno, beliau tidak pernah jemu-jemu mengingatkan ahli Umno supaya sentiasa taat setia serta hormat kepada parti dan pemimpin.

"Pergerakan Wanita Umno kesal dan terkilan dengan perbuatan bekas Presiden parti kerana selama 22 tahun, beliau sentiasa berpesan kepada kita supaya setia kepada Umno.

"Tiba-tiba, beliau (Dr Mahathir) hilang kesetiaan kepada parti sehingga sanggup bertindak keluar dari

parti dan ini satu perkara yang begitu sukar untuk dibuat penilaian terhadap kewibawaannya," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan Ketua Bahagian Wanita Umno Kelantan, di Bangunan Umno Negeri, di sini, semalam. Hadir sama Ketua Pergerakan Wanita Umno Kelantan, Wan Hazani Wan Mohd Nor.

Rafidah berkata, selama dua dekad Dr Mahathir bersyarah kepada ahli

Umno dengan meminta semua pihak menyokong pemimpin sedia ada dan sekiranya orang lain jadi pemimpin, hendaklah memberi sokongan kepada pemimpin baru.

"Setiap kali Mesyuarat Agung Umno, beliau turut memberi ingatan bahawa sewaktu kita di atas, orang sokong kita dan ketika orang lain naik, kita harus sokong orang itu.

"Dr Mahathir selalu kata pemimpin datang dan pergi, namun nampak

gayanya, beliau bertindak sebaliknya," katanya.

Beliau berkata, Umno pernah melalui kemelut seperti ini satu ketika dulu, sehingga pernah dibatalkan pertubuhan itu, tetapi tidak pernah seorang pun meminta Dr Mahathir turun dari parti.

Katanya, Umno ketika itu bertindak lebih rasional kerana memikirkan kepada perpaduan parti dan akhirnya usaha itu membolehkan mantan Perdana Menteri itu terus bertahan selama 22 tahun.

Sementara itu Rafidah meminta 1.3 juta Wanita Umno mengeratkan jalinan perpaduan di kalangan mereka bagi memastikan Umno dan Pergerakan Wanita tetap padu dalam menghadapi kemelut sekarang.

Beliau berkata, Wanita Umno adalah tulang belakang parti dan sekiranya retak tulang belakang itu, parti akan menjadi lemah.

Oleh itu, katanya, jangan wujudnya dua atau tiga kem ketika perantaraan bahagian nanti kerana melalui keadaan ini, ia akan memecah belahkan parti dan akhirnya menyebabkan parti lemah.



“Dr Mahathir selalu kata pemimpin datang dan pergi, namun nampak gayanya, beliau bertindak sebaliknya”

Rafidah Aziz
Ketua Pergerakan Wanita Umno